

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 6/12/2010

PM gelar pembangkang pakatan nepotisme

UMA 6-12-2010

KUALA LUMPUR 5 Dis. – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggelarkan pembangkang sebagai pakatan nepotisme memandangkan kepimpinannya yang dibarisi suami, isteri, bapa dan anak-anak.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu berkata, perkara tersebut jelas apabila keputusan pemilihan sebuah parti pembangkang baru-baru ini menyaksikan ketua umum, presiden dan naib presidennya datang daripada sebuah keluarga.

Lebih menarik lagi menurut beliau, timbalan presidennya pula dikatakan ada hubungan istimewa de-

ngan ketua umum parti berkenaan.

Katanya, begitu juga dengan satu lagi anggota pakatan pembangkang yang dilihat sebagai parti 'Anak Beranak Sendirian Berhad'.

"Dengan hegemoni dua dinasti, satu keluarga dengan kuasa dan satu lagi keluarga tanpa kuasa, semuanya ini telah ditentukan. Sebabnya dalam sistem parti ini setiausaha agung lebih berkuasa daripada pengerusi.

"Sungguh lucu rasanya apabila mereka pula yang berani menuduh kita sebagai pengamal nepotisme. Saya ingin bertanya siapa pengamal nepo-

tisme yang sebenar di sini?" sindirnya.

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan dasar sempena Konvensyen BN di Wisma MCA di sini hari ini.

Mengenai Pas, Najib di dalam ucapannya hairan dengan pendirian parti itu kerana sanggup menjalin kerjasama dengan para pembohong besar, pemalsu dokumen, petualang bangsa dan pengkhianat negara walaupun mengaku menjadi pendukung Islam.

Oleh itu beliau berkata, lebih tepat lagi pakatan pembangkang terdiri daripada dua buah keluarga

dengan satu lagi parti menjadi pak turut atau kuda tunggangan.

"Apa yang boleh dikatakan Pas sepatutnya bertindak lebih bijak daripada itu dan eloklah Pas terus berpegang teguh kepada apa yang kononnya menjadi prinsip mereka selama ini," katanya lagi.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri dengan nada sinikal mempersoalkan kenyataan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail bahawa suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah anugerah tuhan.

"Ya, kita faham kesetiaan dan kekaguman seorang isteri terhadap 'ke..he..ba..tan' suaminya itu. Namun rakyat Malaysia ingin bertaqwa, berdasarkan nas atau hadis mana pendapat itu dibuat.

"Berbekalkan justifikasi hukum atau istinbat mana sehingga pernyataan begini sanggup dikeluarkan. Adakah ini ijhtihad baru atau lebih tepat, satu lagi ajaran songsang? Cukup-cukuplah sandiwara dan drama yang songsang-songsang itu," katanya disambut tepukan gemuruh serta sorakan perwakilan.